

PENGGUNAAN LATIHAN KEPELBAGAIAN GARISAN “4+3x1” DALAM MEMBANTU MEMPERBAIKI TULISAN HURUF KECIL “g”, “p” DAN “y” MURID TAHUN EMPAT

Oleh

Shahidatul Akmal binti Ahmady
sweetsyaieda89@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini bertujuan untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam membantu murid-murid Tahun Empat memperbaiki tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y” melalui penggunaan Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1”. Selain saya, peserta kajian melibatkan dua orang murid Tahun 4 Kancil dari sebuah sekolah di Kuching, Sarawak. Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” yang diciptakan adalah bersandarkan kepada gabungan pendekatan Pembelajaran Masteri Bloom (1968), Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1986) dan Hukum Latihan Pembelajaran Thorndike (1911). Kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual digunakan untuk mengumpul data kesan tindakan. Cara analisis data ialah analisis kandungan dan analisis pola manakala triangulasi kaedah dan sumber digunakan untuk menyemak data kajian ini. Latihan kepelbagaian Garisan “4+3x1” ini didapati berjaya membantu peserta kajian memperbaiki tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y” selain menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya.

Kata kunci: Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1”, tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y”, Hukum Latihan Pembelajaran Thorndike, Pembelajaran Masteri, Teori Pembelajaran Sosial Bandura

ABSTRACT

The purpose of this study was to improve my teaching and learning practices in order to help Year Four pupils improve their writing of lowercase alphabets “g”, “p” and “y” through the Diversity-Lined Worksheets “4+3x1” method. The study involved two participants from Year 4 Kancil of a school in Kuching, Sarawak. The method was created based on a combination of Bloom’s Mastery Learning approach (1968), Bandura’s Social Learning Theory (1986) and Thorndike’s Learning Theory (1911). This study involved observation, document analysis, and interview in collecting data. The data were analysed using content and pattern analysis. Triangulation methods and sources were used to check the credibility of data. The finding of this study showed that Diversity-Lined Worksheets “4+3x1” method successfully helped the participants in improving their writing of lowercase alphabets “g”, “p” and “y” as well as my teaching practices.

Keywords: Diversity-Lined Worksheets “4+3x1”, writing of lowercase alphabets “g”, “p” and “y”, Thorndike’s Learning Theory, Mastery Learning, Bandura’s Social Learning Theory

PENGENALAN

Konteks


Saya ialah seorang guru pelatih opsyen Bahasa Melayu yang telah menjalani praktikum fasa III selama tiga bulan di Sekolah Kebangsaan Wish (nama samaran) yang terletak di kawasan bandar raya Kuching, Sarawak. Saya telah diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4 Kancil. Taraf sosioekonomi murid di sekolah ini kebanyakannya sederhana rendah dan begitu juga dengan tahap pendidikan mereka. Pembahagian kelas untuk murid-murid mula dilakukan mengikut pencapaian akademik pada Tahap 2.

Setelah beberapa minggu saya mengajar Tahun 4 Kancil, saya mendapati dua orang murid mempunyai masalah dalam kemahiran menulis. Akan tetapi, mereka dapat menguasai kemahiran lain dengan baik iaitu kemahiran membaca, dan kemahiran lisan, terutamanya setelah diberikan bimbingan.

Murid Tahun 4 Kancil terdiri daripada 31 orang murid iaitu seramai 18 orang murid lelaki dan 13 orang murid perempuan. Jurang kebolehan dan tahap penerimaan kemahiran antara murid tidaklah terlalu besar memandangkan pembahagian kelas mengikut tahap pencapaian mereka telah ditetapkan terlebih dahulu.

Isu Keprihatinan

Pemilihan isu keprihatinan ini adalah kerana kesedaran saya terhadap betapa pentingnya kemahiran menulis yang harus dikuasai oleh semua murid sebelum menguasai kemahiran-kemahiran lain yang terdapat dalam bidang pendidikan mahupun dalam bidang lain. Justeru itu, fokus penyelidikan saya ialah berkaitan dengan permasalahan dua orang murid Tahun 4 Kancil iaitu Ann (nama samaran) dan Bee (nama samaran) yang menghadapi masalah menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” di atas garisan berdasarkan kepada tinjauan awal berbentuk lembaran kerja pada 5 Mac 2012. Rajah 1 menunjukkan data awal permasalahan yang dihadapi oleh Ann dan Bee dalam kemahiran menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y”.



Rajah 1. Sedutan tinjauan awal Ann dan Bee (5 Mac 2012).

Analisis tinjauan awal menunjukkan Ann dan Bee mempunyai masalah yang sama iaitu menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” dengan salah iaitu menulis ketiga-tiga huruf tersebut di atas garisan.

Sehubungan itu, saya ingin mengambil peluang ini untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran (p&p) saya sendiri serta menambah ilmu

pengetahuan mengenai dunia penyelidikan seperti yang dinyatakan oleh Kemmis (1988) (dalam Chuah Kim Hwa, 2000) iaitu penyelidikan tindakan merupakan sebahagian daripada suatu bentuk refleksi kendiri. Saya selaku penyelidik, menyelidik amalan saya sama ada secara perseorangan ataupun secara kolaborasi.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memperbaiki tulisan dua orang murid Tahun Empat dari aspek tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y” dengan menggunakan Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kajian ini turut bertujuan menambah baik amalan kendiri p&p dalam kemahiran menulis bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat melalui Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1”.

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Bagaimanakah penggunaan Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” dapat memperbaiki tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y” dua orang murid Tahun Empat saya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu?
- Bagaimanakah penggunaan Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” menambah baik amalan kendiri saya dalam p&p Bahasa Melayu?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” bersandarkan kepada beberapa gabungan teori. Antaranya ialah pendekatan Pembelajaran Masteri Bloom (1968) yakni peserta kajian benar-benar telah menguasai kemahiran menulis dalam sesuatu peringkat latihan menulis tersebut sebelum beralih ke peringkat kemahiran menulis yang seterusnya. Hal ini kerana, saya yakin bahawa peserta kajian tersebut harus menguasai kemahiran menulis pada peringkat yang rendah terlebih dahulu sebelum beralih kepada kemahiran menulis pada peringkat yang lebih tinggi.

Dalam Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1”, Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1986) turut diaplikasikan yakni terdapat empat proses dalam pembelajaran. Pertama, ialah pemerhatian, iaitu proses memberikan perhatian yakni Ann dan Bee diminta melihat dahulu bagaimana saya menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” dengan betul pada papan putih bersaiz besar. Kemudian, Ann dan Bee diminta untuk menulis semula ketiga-tiga huruf tersebut pada papan putih bersaiz besar dan seterusnya menulis huruf-huruf tersebut pada latihan yang diberikan. Proses ingatan berlaku pada peringkat ini, yakni Ann dan Bee mengingat kembali bagaimana menulis ketiga-tiga huruf tersebut dengan betul. Manakala proses reproduksi motor berlaku apabila Ann dan Bee melakukan pergerakan fizikal iaitu menulis ketiga-tiga huruf tersebut pada latihan yang diberikan. Pada peringkat motivasi pula, Ann dan Bee diberikan ganjaran atau peneguhan yang bersesuaian supaya mereka meneruskan tingkah laku yang diingini, iaitu menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” dengan betul.


Setiap peringkat dalam Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” ini merupakan latihan yang mengaplikasikan kaedah ansur maju yakni setiap latihan yang diberikan mempunyai unsur dari mudah ke sukar iaitu pada awal peringkat peserta kajian didedahkan dengan penggunaan latihan bergaris empat, kemudian kepada tiga garis sehingga tiada garisan. Setiap peringkat mempunyai tahap latihannya yang terdiri bermula dari aras rendah iaitu latihan menulis huruf sahaja kemudian beralih kepada latihan menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” dalam perkataan iaitu aras sederhana dan seterusnya kepada latihan menulis dalam lembaran kerja iaitu aras tinggi. Kamarudin Husin (1988) turut mengaplikasikan kaedah ansur maju dalam pengajaran kemahiran menulis iaitu bermula daripada peringkat pramenulis, peringkat menulis yang asas dan akhir sekali peringkat pelahiran. Saya juga telah mengaplikasikan kaedah yang telah digunakan oleh Lee Lay Wah (2009) dalam kajian yang menggunakan Bahan Cetakan Flash Belajar Menulis yang telah direka bentuk supaya peserta kajiannya dapat belajar secara ansur maju iaitu bermula daripada tulisan yang besar kepada tulisan yang kecil. Kaedah ansur maju ini telah saya aplikasikan dengan menggunakan papan putih bersaiz besar untuk menulis huruf “g”, “p” dan “y” kecil yang bersaiz besar sebelum menulis pada latihan menulis menggunakan lembaran kerja yang bersaiz kecil.

Sepanjang saya mengaplikasikan kaedah Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” ini, saya sedar bahawa saya telah menggunakan pendekatan Hukum Latihan Pembelajaran yang telah dipelopori oleh Thorndike (1911). Hukum ini mengutamakan kaedah yang memberikan banyak latihan dengan lebih kerap dan peserta kajian saya telah belajar untuk menguasai kemahiran menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” ini melalui proses membuat banyak latihan.

Penggunaan lembaran dan latihan kerja bergaris ini merupakan salah satu kaedah yang telah biasa digunakan dalam membantu mengatasi masalah dalam kemahiran menulis. Hasil pembacaan saya terhadap beberapa kajian lepas contohnya Anisah Anuar (2010), Ahmad Durani Suip (2010), Juliana Ling Chu Chen (2009), Meimon Sanai (2009), Tiong Houng Ching (2010), dan Yusuf Malie (2005) telah memberikan idea baharu iaitu dengan mempelbagaikan garisan dalam membantu memperbaiki tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y” peserta kajian saya.


Pelaksanaan Tindakan

Tindakan kajian ini bermula daripada 2 Mac 2012 sehingga 27 April 2012 dalam kelas Tahun 4 Kancil dan di luar waktu p&p mata pelajaran lain seperti Kajian Tempatan dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan iaitu di bilik mesyuarat dan dewan makan. Saya telah mendapatkan kebenaran untuk mengeluarkan Ann dan Bee daripada beberapa orang guru tersebut. Rajah 2 merupakan gambaran keseluruhan pelaksanaan tindakan saya.




Rajah 2. Gambaran keseluruhan pelaksanaan tindakan.

Pada peringkat awal aktiviti penyelidikan tindakan ini, saya telah menerangkan penggunaan garisan pada setiap peringkat latihan kepelbagaian garisan dengan menggunakan papan putih bersaiz besar. Ann dan Bee diminta menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” di atas papan putih bersaiz besar tersebut sebelum beralih kepada latihan menulis pada latihan yang bersaiz kecil iaitu dengan menggunakan kertas bersaiz A4. Rajah 3 menunjukkan papan putih bersaiz besar yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 3. Penggunaan papan putih bersaiz besar.


Setelah Ann dan Bee mahir menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” di atas papan putih bersaiz besar pada awal sesuatu peringkat, saya kemudiannya memberikan latihan menulis bermula dari peringkat pertama iaitu menggunakan latihan menulis menggunakan empat garisan. Latihan ini bermula dari aras rendah iaitu latihan menulis huruf kemudiannya latihan menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” dalam perkataan dan akhir sekali latihan menulis pada lembaran kerja yang diberikan sewaktu p&p Bahasa Melayu. Setelah Ann dan Bee menguasai kemahiran menulis dengan menggunakan empat garisan, saya seterusnya beralih kepada penggunaan latihan yang menggunakan tiga garisan, dua garisan dan akhir sekali menggunakan satu garisan. Rajah 4 menunjukkan contoh latihan dan lembaran kerja menggunakan empat garisan.



Rajah 4. Contoh penggunaan Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1”.

Latihan menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” adalah sama seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4 tetapi hanya bilangan garisannya sahaja yang berbeza-beza mengikut peringkat dalam Latihan Kepelbagai Garisan “4+3x1”.

Setelah Ann dan Bee menguasai kesemua peringkat dalam Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1”, satu lagi aktiviti tambahan iaitu aktiviti pengukuhan dan pengayaan yang bertujuan untuk menilai tahap penguasaan Ann dan Bee dalam kemahiran menulis diberikan. Rajah 5 menunjukkan aktiviti pengukuhan dan pengayaan yang telah dijalankan kepada Ann dan Bee.



Rajah 5. Aktiviti pengukuhan dan pengayaan menulis huruf kecil "g", "p" dan "y" dengan betul.

METODOLOGI

Peserta Kaijian

Saya juga merupakan salah seorang daripada peserta kajian untuk menambah baik amalan saya terutamanya dalam p&p kemahiran menulis Bahasa Melayu. Dua orang peserta kajian yang lain ialah Ann dan Bee dan kedua-duanya adalah murid lelaki. Mereka mempunyai masalah yang sama dalam kemahiran menulis terutamanya dalam menulis huruf kecil "g", "p" dan "y". Kedua-dua peserta kajian mempunyai prestasi akademik sederhana baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Etika Penyelidikan

Pertama sekali, sebelum saya memulakan penyelidikan ini, pihak IPG KBL telah pun menghantar surat kepada pihak pengurusan Sekolah Kebangsaan Wish bagi pihak saya untuk meminta kebenaran secara formal. Namun begitu, saya juga turut memohon kebenaran secara lisan daripada pihak pengurusan sekolah dan juga meminta kebenaran secara bertulis daripada guru-guru yang mengajar kelas Tahun 4 Kancil untuk melaksanakan kajian ini. Sehubungan itu, pihak sekolah telah memberikan kebenaran kepada saya. Seterusnya, saya telah meminta kebenaran secara bertulis daripada murid-murid yang terlibat dengan meminta mereka menandatangani surat persetujuan untuk menjadi peserta kajian ini.

Teknik Mengumpul Data

Pemerhatian

Saya menggunakan catatan nota lapangan dan rakaman video untuk mengumpul data pemerhatian. Saya mencatat pemerhatian dengan mengambil kira faktor-faktor seperti persekitaran fizikal, kesediaan murid, tingkah laku, mimik muka dan perkara-perkara yang berlaku di luar jangkaan saya. Rakaman video digunakan untuk merakam aktiviti penyelidilan tindakan (PT) saya terutamanya semasa waktu aktiviti pengukuhan dan pengayaan.

Analisis dokumen

Analisis dokumen yang saya gunakan berbentuk lembaran kerja, borang maklum balas dan juga rekod penguasaan kemahiran menulis huruf kecil "g", "p" dan "y". Data yang diperoleh daripada lembaran kerja merujuk kepada hasil penguasaan peserta kajian dalam menulis huruf kecil "g", "p" dan "y" dengan betul. Bilangan huruf kecil "g", "p" dan "y" dalam sesuatu lembaran kerja tersebut akan dicatatkan ke dalam rekod penguasaan kemahiran menulis huruf kecil "g", "p" dan "y" dan diberikan markah dan gred. Saya juga telah menggunakan borang maklum balas untuk mendapatkan maklum balas daripada peserta kajian berkaitan dengan penggunaan Latihan Kepelbagaian Garisan "4+3x1".

Temu bual

Saya telah menggunakan kaedah temu bual untuk mengumpul data bagi menjawab soalan kajian ini. Temu bual merupakan salah satu kaedah yang membolehkan saya mendapatkan maklumat secara lebih mendalam mengenai sesuatu perkara tersebut. Instrumen yang digunakan dalam kaedah temu bual ialah soalan temu bual dan rakaman video. Dalam PT ini, saya telah menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur secara bersemuka dengan dua orang peserta kajian saya. Selain itu, saya juga turut menemu bual rakan sepraktikum saya, May dan juga guru Bahasa Melayu Tahun 4 Kancil, Puan Selly.

Teknik Menganalisis Data

Analisis kandungan

Saya telah membaca berulang-kali setiap catatan nota lapangan saya supaya dapat memberi gambaran secara keseluruhan untuk tujuan interpretasi data. Setiap perkara penting dilabelkan untuk tujuan pengkategorian membentuk tema seperti minat, seronok, yakin, masih keliru, dapat menulis huruf kecil "g", "p" dan "y" dengan betul dan dengan kemas.

Saya turut menganalisis kandungan rakaman video yang telah dirakam dan membuat catatan dalam bentuk jadual untuk memudahkan penginterpretasian data berdasarkan kepada pemerhatian yang telah dirakam.

Saya juga telah membuat analisis berdasarkan lembaran kerja yang digunakan semasa latihan menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” pada setiap peringkat dalam latihan menulis dan juga menganalisis kesalahan kecuaian yang terdapat dalam lembaran kerja peserta kajian. Kesalahan huruf kecil “g”, “p” dan “y” direkodkan ke dalam rekod penguasaan kemahiran menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” dan seterusnya diberikan markah dan gred.

Penganalisisan data dalam borang maklum balas dilakukan berdasarkan kepada nilai skor Likert mengikut pendapat peserta kajian. Isi kandungan temu bual telah ditranskripsikan dalam bentuk teks dan kemudiannya dianalisis dan dicatat mengikut tema yang sesuai. Saya terlebih dahulu telah membuat koding sebelum menganalisis data temu bual. Contoh-contoh koding adalah seperti yang terdapat pada Jadual 1.

Jadual 1

Contoh Pengekodan Data Temu Bual

Pengekodan Data	Maksud Pengekodan Data
TB01N270312	Temu bual pertama bersama Ann pada 27 Mac 2012
TB02B270312	Temu bual ke-2 bersama Bee pada 27 Mac 2012
TB03N020412	Temu bual Ke-3 bersama Ann pada 2 April 2012
TB11MAY260412	Temu bual ke-11 bersama May pada 26 April 2012
TB12SELL270412	Temu bual ke-12 bersama Puan Selly pada 27 April 2012

Analisis Pola

Pertama, saya menganalisis pola terhadap tema-tema yang telah dibentuk berdasarkan catatan nota lapangan, lembaran kerja, transkip temu bual dan borang maklum balas peserta kajian. Kemudian, saya menganalisis pola kekerapan kesalahan yang berfokuskan kepada kesalahan kecuaian dan pola perasaan seperti yakin, puas hati, keliru, gembira dan lain-lain lagi. Tujuannya adalah untuk mengetahui kesan penggunaan Latihan Kepelbagai Garisan “4+3x1” dalam memperbaiki tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y” Ann dan Bee.

Teknik Menyemak Data

Saya menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber untuk menyemak data yang diperoleh. Dalam PT ini, saya menggunakan triangulasi kaedah dalam membuat perbandingan antara sumber data yang dikumpul, contohnya daripada catatan nota lapangan, temu bual, rakaman video, borang maklum balas, lembaran kerja dan rekod penguasaan kemahiran menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” peserta kajian. Perbandingan antara data yang diperoleh melalui kaedah yang berbeza membolehkan saya mengenal pasti tahap penguasaan peserta kajian berkaitan dengan kemahiran menulis beberapa huruf tersebut.

Triangulasi sumber dalam PT ini melibatkan rakan sepraktikum, May, untuk mendapatkan pandangan secara kritikal mengenai keberkesanan penggunaan Latihan Kepelbagai Garisan “4+3x1”.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

- Apakah kesan penggunaan Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” dalam memperbaiki tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y” dua orang murid Tahun Empat bagi mata pelajaran Bahasa Melayu?


Penggunaan Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” berjaya membantu Ann dan Bee memperbaiki tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y”. Jadual 2 menunjukkan rekod penguasaan kemahiran menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” Ann dan Bee daripada peringkat 1 sehingga peringkat 4.

Jadual 2

Rekod Penguasaan Kemahiran Menulis Huruf Kecil “g”, “p” dan “y” Ann dan Bee


Peringkat	Perkara	Bil.	Ann		Bil.	Bee	
		Huruf yang Salah	Markah (%)	Gred	Huruf yang Salah	Markah (%)	Gred
Peringkat 1 (empat garisan)	Latihan menulis huruf	40	52	C	47	44	C
	Latihan menulis huruf dalam perkataan	38	72	B	27	80	A
	Latihan menulis huruf dalam lembaran kerja p&p	0	100	A	0	100	A
Peringkat 2 (tiga garisan)	Latihan menulis huruf	20	83	A	10	92	A
	Latihan menulis huruf dalam perkataan	44	48	C	20	79	B
	Latihan menulis huruf dalam lembaran kerja p&p	2	88	A	0	100	A
Peringkat 3 (dua garisan)	Latihan menulis huruf	83	52	C	1	95	A
	Latihan menulis huruf dalam perkataan	4	81	A	1	97	A
	Latihan menulis huruf dalam lembaran kerja p&p	0	100	A	0	100	A
Peringkat 4 (satu garisan)	Latihan menulis huruf	2	95	A	3	93	A
	Latihan menulis huruf dalam perkataan	11	63	B	3	90	A
	Latihan menulis huruf dalam lembaran kerja p&p	0	100	A	0	100	A

Rekod penguasaan kemahiran menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” dalam Jadual 2 menunjukkan Ann dan Bee mempunyai peningkatan dalam penguasaan kemahiran menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y”. Hasil pemerhatian melalui gambar daripada rakaman video pada aktiviti pengukuhan dan pengayaan yang ditunjukkan pada Rajah 6 telah menunjukkan bahawa Ann dan Bee telah dapat menulis huruf kecil “g”, “p” dan “y” dengan betul walaupun tanpa menggunakan garisan.




Rajah 6. Hasil tulisan Ann dan Bee di papan tulis (20 April 2012).

Rajah 7 dan 8 pula menunjukkan hasil lembaran kerja Ann dan Bee yang menggunakan satu garisan iaitu pada peringkat yang terakhir dalam empat peringkat dalam Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1”.



Rajah 7. Hasil lembaran kerja Ann.



Rajah 8. Hasil lembaran kerja Bee.

Hasil lembaran kerja Ann dan Bee yang menggunakan satu garisan iaitu pada peringkat terakhir dalam peringkat Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” menunjukkan bahawa Ann dan Bee telah mampu menulis kesemua huruf kecil “g”, “p” dan “y” dengan betul. Penggunaan Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” bukan hanya membantu Ann dan Bee dalam memperbaiki tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y” mereka, tetapi turut dapat meningkatkan keyakinan dalam diri Ann dan Bee. Petikan transkrip temu bual saya dengan Ann pada 25 April 2012 adalah seperti berikut.

- | | |
|------|---|
| Saya | Adakah awak berpuas hati dengan tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y” awak sekarang? |
| Ann | Puas hati. |
| Saya | Apakah yang dapat awak lihat berdasarkan hasil tulisan awak sekarang? |
| Ann | Tulisan saya semakin kacak
(Terjemahan: Tulisan saya semakin cantik). |
| Saya | Adakah awak berasa yakin untuk menulis sekiranya disuruh menulis di papan tulis? |
| Ann | Ya. |
| Saya | Kenapa? |
| Ann | Sebab tulisan saya dah kacak dah. (ambil tersengih-sengih)
(Terjemahan: Sebab tulisan saya sudah cantik) |

TB09N250412

Transkrip temu bual tersebut menunjukkan Ann “berpuas hati” dengan hasil tulisannya sekarang dan dia juga turut menyatakan bahawa dia berasa yakin akan dirinya sendiri dan apabila ditanya kenapa, Ann menjawab kerana “tulisan saya

sudah cantik". Transkrip temu bual Bee pada 25 April 2012 pula adalah seperti berikut.

- Saya Adakah awak berpuas hati dengan tulisan huruf kecil "g", "p" dan "y" awak sekarang?
 Bee Ya, puas hati. (ambil mengangguk-angguk)
 Saya Apakah yang dapat awak lihat berdasarkan hasil tulisan awak sekarang?
 Bee Tulisan saya semakin kemas.
 Saya Adakah awak berasa yakin untuk menulis sekiranya disuruh menulis di papan tulis?
 Bee Ya.
 Saya Kenapa?
 Bee Sebab saya dah tauk camni cara untuk tulis dengan betul dah. Sik da gik cikgu nak nganok kelak.
 (Terjemahan: **Sebab saya sudah tahu cara untuk menulis dengan betul.** Tidak ada lagi cikgu yang akan memarahi saya nanti)

TB09B250412

Bee mengatakan bahawa dia telah "berpuas hati" dengan hasil tulisannya sendiri yang "semakin kemas" dan juga berasa yakin dengan dirinya dengan mengatakan "saya sudah tahu cara untuk menulis dengan betul" apabila di minta untuk menulis di papan tulis.

Perasaan puas hati dan yakin Ann dan Bee terhadap kemahiran menulis merupakan kesan positif yang terbentuk hasil daripada penggunaan Latihan Kepelbagai Garisan "4+3x1". Ini selaras dengan kesan penggunaan Teori Pembelajaran Masteri Bloom (1968) yang amat mementingkan penguasaan murid terhadap sesuatu kemahiran atau perkara yang dipelajari beralih ke peringkat yang lebih tinggi dan mencabar.

Ann dan Bee juga telah menunjukkan kesan positif apabila menerima peneguhan seperti pujian dan ganjaran selaras dengan Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1986) yakni motivasi murid dapat ditingkatkan sekiranya adanya peneguhan positif diberikan seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.

Jadual 3

Pola Perasaan Peserta Kajian

Perasaan	Gembira		Keliru		Yakin		Puas hati		Bosan	
Peserta kajian	Ann	Bee	Ann	Bee	Ann	Bee	Ann	Bee	Ann	Bee
Peringkat 1 (empat garisan)			✓	✓			✓	✓	✓	✓
Peringkat 2 (tiga garisan)	✓	✓	✓	✓				✓		
Peringkat 3 (dua garisan)			✓		✓	✓	✓	✓	✓	✓
Peringkat 4 (satu garisan)	✓	✓			✓	✓	✓	✓		

Jadual 3 menunjukkan Ann dan Bee berasa gembira semasa peneguhan positif diberikan pada peringkat 2 dan 4 dan berasa mudah bosan sekiranya tiada peneguhan positif diberikan pada peringkat 1 dan 3.

- **Bagaimakah penggunaan Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” menambah baik amalan saya dalam memperbaiki tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y” murid Tahun Empat?**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa saya telah berjaya menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih sistematik dan menyeluruh dengan penggunaan Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1”. Ini selaras dengan penggunaan kaedah ansur maju yang menekankan pengajaran yang bermula dari aras rendah sehingga aras yang yang lebih tinggi. Pendekatan ini juga telah diaplikasikan dalam beberapa kajian-kajian lepas seperti dalam Anisah Anuar (2010), Ahmad Durani Suip (2010), Meimon Sanai (2009), dan Yusop Malie (2010).

Maklum balas daripada May semasa temu bual pada 26 April 2012 menyatakan bahawa “terdapat empat peringkat dalam latihan kepelbagaian garisan ini dan setiap peringkat tersebut mempunyai tahapnya yang tersendiri. Selain itu, anda juga turut menjalankan aktiviti pengukuhan dan pengayaan. Aktiviti pengukuhan dan pengayaan ini memang harus ada dalam setiap proses p&p kita. Selain itu, kaedah yang digunakan ini juga adalah secara menyeluruh dan kreatif di mana peserta kajian didedahkan dengan menggunakan empat garisan, tiga garisan, dua garisan, satu garisan dan tanpa garisan di samping turut melatih peserta kajian menulis dari peringkat huruf, perkataan dan juga dalam ayat”.

Penggunaan Latihan Kepelbagaian garisan “4+3x1” juga telah dapat menambah baik amalan p&p saya terutamanya dalam menangani masalah menulis huruf yang “berekor” seperti yang dinyatakan dalam temu bual saya bersama May. Beliau menyatakan bahawa terdapat “banyak perubahan dari segi tulisan kedua-dua peserta kajian anda” dan dia juga “telah dapat membaca tulisan” Ann dan Bee terutamanya apabila menyemak hasil tugas mereka. May juga turut menyatakan bahawa terdapat kesan positif hasil daripada menggunakan banyak lembaran kerja dalam pendekatan yang digunakan selaras dengan Hukum Latihan Pembelajaran Thorndike (1911). Murid akan belajar sesuatu kemahiran tersebut dengan berkesan sekiranya terdapat banyak latihan yang diberikan dengan lebih kerap dan secara tidak langsung proses pembelajaran berlaku.

Kesan penggunaan Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” juga telah dapat meingkatkan keprihatinan dalam diri saya terhadap permasalahan yang dihadapi oleh murid-murid sekolah rendah terutamanya dalam kemahiran menulis. Rajah 9 menunjukkan contoh nota lapangan yang mengaitkan penguasaan kemahiran menulis Ann dan Bee.

Situasi :		
1) Ann dan Bee berlatih menulis huruf 'p', 'g', dan 'y' kecil buat pertama kalinya.		
Bil	Nama Peserta	Catatan
1	Ann	<ul style="list-style-type: none"> • Masih kurang menghiraukan cara menulis huruf 'p', 'g' dan 'y' kecil dengan betul. • Perlu sentiasa ditegur dan diberi perhatian. • Masih tidak faham mengapa saya ketakan huruf 'p', 'g' dan 'y' kecil yang dia telah tulis tersebut adalah salah. • Tidak tahu beza yang mana huruf 'p' kecil dan 'P' besar.
2	Bee	<ul style="list-style-type: none"> • Masih menulis huruf 'p', 'g' dan 'y' kecil dengan salah walaupun telah diberi tunjuk ajar. • Masih tidak dapat membezakan huruf yang ditulis dengan salah. • Tidak faham akan konsep huruf besar dan huruf kecil.

Rajah 9. Contoh nota lapangan aktiviti latihan menulis huruf kecil "g", "p" dan "y".

Catatan nota lapangan ini menunjukkan keprihatian dalam diri saya terutamanya mengenai isu permasalahan dalam kemahiran menulis murid-murid sekolah rendah.

Refleksi Penilaian Tindakan

Kajian ini telah memberi peluang kepada saya untuk meneroka dengan lebih mendalam lagi berhubung dengan isu permasalahan yang dihadapi oleh peserta kajian dan telah dapat membentuk pemikiran yang kreatif dan kritis terutamanya dalam mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi. Kajian ini juga telah dapat membentuk sikap penyabar dalam diri saya sebagai seorang pendidik apabila berhadapan dengan pelbagai keranah peserta kajian. Selain itu, saya juga telah dapat meningkatkan kemahiran pedagogi berkaitan dengan perancangan aktiviti yang berkesan dan sesuai dalam membantu peserta kajian memperbaiki tulisan huruf kecil "g", "p" dan "y" tersebut. Kajian ini juga telah dapat meningkatkan tahap keyakinan dan juga keprihatinan diri saya sebagai seorang pendidik.

Analisis dapatan menunjukkan bahawa Ann dan Bee telah mampu menguasai kemahiran menulis huruf kecil "g", "p" dan "y" dengan betul. Hal ini menunjukkan kesan positif penggunaan Latihan Kepelbagaian Garisan "4+3x1" dalam membantu Ann dan Bee memperbaiki tulisan ketiga-tiga huruf tersebut. Penggunaan pendekatan Hukum Latihan Thorndike (1911) juga telah menunjukkan kesan yang positif kepada Ann dan Bee yakni kedua-duanya telah dapat menguasai kemahiran menulis huruf kecil "g", "p" dan "y" dengan betul setelah lebih kerap latihan diberikan.

Berdasarkan kepada kesan ke atas kurikulum pula, saya telah dapati bahawa sukanan kurikulum untuk Tahap Dua hanya mementingkan pembelajaran yang menjurus kepada penilaian dan tidak lagi menekankan aspek kekemasan dalam tulisan. Oleh itu, Latihan Kepelbagaian Garisan "4+3x1" yang diperkenalkan telah menekankan aspek kekemasan tulisan terutamanya kepada murid Tahap Dua.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Sepanjang pelaksanaan PT ini dijalankan, saya telah menyedari bahawa sudah menjadi lumrah seorang guru Bahasa Melayu memastikan murid-muridnya mampu menguasai ketiga-tiga kemahiran asas yang terdapat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sebelum beralih kepada peringkat pengajaran yang lebih tinggi lagi.

Peranan seorang guru Bahasa Melayu juga bukan hanya menjadi seorang guru yang mementingkan pengajaran yang menjurus kepada penilaian semata-mata.


PT ini turut memberikan peluang kepada saya untuk mempelajari pelbagai cara untuk mengumpul data, menganalisis dan menginterpretasikan data di samping meningkatkan amalan profesional saya sebagai seorang penyelidik serta. Melalui PT ini juga, saya telah dapat mengenal pasti kelemahan dan juga kekuatan kaedah yang saya gunakan terutamanya dalam membantu Ann dan Bee memperbaiki tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y”.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” telah mendatangkan kesan positif kepada dua orang peserta kajian saya dalam memperbaiki tulisan huruf kecil “g”, “p” dan “y” mereka. Namun, penambahbaikan boleh dilakukan untuk kitaran seterusnya.

Bagi kitaran seterusnya, saya akan memanjangkan tempoh masa Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” untuk kesan yang lebih baik terutamanya apabila berhadapan dengan murid yang mempunyai tahap penguasaan yang lemah dan memerlukan masa yang panjang. Di samping itu, saya juga ingin mempelbagaikan teknik latihan menulis contohnya seperti menggunakan unsur muzik dan permainan supaya murid lebih seronok dan tidak bosan walaupun diberikan banyak latihan.

Saya juga akan menjarakkan lagi empat garisan dengan empat garisan yang lain supaya murid tidak keliru dan juga akan menandakan garisan tersebut dengan menulis nombor di bahagian tepi garisan tersebut supaya murid dapat membezakan empat garisan dengan empat garisan yang lain. Penjarakan garisan dan penomboran garisan ini juga akan diaplikasikan dalam peringkat latihan menulis yang lain iaitu latihan menulis dengan menggunakan tiga garisan dan dua garisan. Rajah 10 menunjukkan contoh penjarakan dan penomboran garisan pada latihan yang diberikan.



Rajah 10. Contoh jarak dan kaedah nombor pada Latihan Kepelbagaian Garisan “4+3x1” untuk tindakan kitaran seterusnya.

Penambahbaikan akan dilakukan dari semasa ke semasa untuk kitaran yang seterusnya supaya kaedah yang digunakan benar-benar sesuai khususnya dalam memperbaiki tulisan huruf yang “berekor” seperti kecil “g”, “p” dan “y”.

RUJUKAN

- Ahmad Durani Suip. (2010). Memperbaiki kekemasan tulisan murid tahun tiga melalui kaedah penulisan berperingkat. *Buku Koleksi Artikel Penyeidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*, 27-36.
- Anisah Anuar @ Yong Hui Ming. (2010). Membetulkan tulisan huruf 'k' dan 's' kecil murid tahun tiga menggunakan lembaran kerja garisan berkembar tiga dibantu oleh carta huruf dan kaedah ansur maju. *Buku Koleksi Artikel Penyeidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*, 37-54.
- Chuah Kim Hwa. (2010). Satu, empat atau 42?: Menyingkap isu peserta kajian dalam pelaksanaan penyelidikan tindakan. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2010*, 4, 85-108.
- Juliana Ling Chu Chen. (2009). Membaiki tulisan murid Tahun 3 dalam mata pelajaran Bahasa Cina dengan kaedah ansur maju. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyeidikan IPGM KBL Tahun 2009*, 156-156.
- Kamarudin Husin. (1988). *Pedagogi Bahasa*, Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Lee Lay Wah. (2009). *Menyediakan Lembaran Kerja untuk Mengajar Tulisan Tangan*. Diperoleh pada 25 Mac 2012 daripada <http://epkhas.ses.usm.my/lembaran-kerja-untuk-mengajar-tulisan-Tangan>
- Meimon Sanai. (2009). Celik huruf: Lancar baca. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyeidikan IPGMK BL Tahun 2009*, 102-112
- Tiong Houng Ching. (2005). Membaiki tulisan pelajar tingkatan peralihan dengan kaedah ansur maju. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2005*, 84-95
- Yusop Malie. (2010). Disgrafia dan cara membantu: Kajian kes ke atas murid Program Integrasi Pendidikan Khas. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2010*, 4, 1-22